


PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

TAKAFULINK DANA DINAMIK

HELAIAN FAKTA DANA UTAMA 2022



TAKAFUL & KAMI

Takaful secara harfiah bermaksud tanggungjawab, jaminan, jaminan kolektif dan usaha bersama. Secara umum, takaful diasaskan pada pengaturan kerjasama (*Ta'awun*) berdasarkan prinsip-prinsip bersama dan solidariti, merangkumi unsur-unsur indemniti dan kepentingan bersama. Takaful ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, iaitu perkiraan berasaskan pertolongan secara kolektif yang di bawahnya peserta takaful bersetuju menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama bagi menyediakan manfaat kewangan bersama untuk dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.

Bergantung pada model takaful yang diluluskan, caruman peserta akan disalurkan ke dana berasingan untuk pelaburan. Dana-dana* kami hanya dilaburkan di dalam pelaburan patuh Syariah, dalam dan luar negara. Setiap pelaburan dibuat selepas mengambil kira risiko dan pulangan yang terlibat.

Di Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN), kami mendukung nilai-nilai ini melalui amalan profesional bagi menyediakan segala keperluan peserta. Nilai-nilai ini amat jelas dalam setiap transaksi sekaligus menjadikan kami sebagai pilihan berhemat.

Melalui rangkaian agensi dan rakan niaga, kami menyediakan pelbagai produk inovatif yang melindungi setiap aspek kehidupan anda. Daripada perlindungan ke simpanan dan keperluan kerohanian, setiap produk kami dicipta untuk memberikan ketenangan minda anda.

* *Dana-dana Takafulink adalah instrumen pelaburan yang mematuhi Syariah.*

TAKAFULINK DANA DINAMIK

Ciri-ciri Dana	
Objektif Pelaburan	Takafulink Dana Dinamik (Dana) bertujuan untuk menyediakan peningkatan nilai modal dengan melabur secara aktif dalam ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah. Sebagai pertimbangan defensif, Dana mungkin akan dilabur dalam debentur Islamik dan instrumen pasaran wang Islamik.
Strategi Pelaburan & Pendekatan	Dana bertujuan untuk mencapai objektif dengan melabur dalam skim pelaburan kolektif Islamik yang diuruskan oleh Eastspring Al-Wara' Investments Berhad yang bertujuan untuk mencapai peningkatan nilai modal melalui pelaburan dalam ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah. Sebagai pertimbangan defensif, Dana Sasaran mungkin akan dilabur dalam debentur Islamik dan instrumen pasaran wang Islamik.
Peruntukan Aset	<ul style="list-style-type: none">• Sehingga 100% Nilai Aset Bersih (NAV) Dana dalam Dana Sasaran; dan• Baki NAV Dana yang tidak dilaburkan di dalam Dana Sasaran akan dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islamik.
Tanda Aras Prestasi	50% Indeks FTSE Syariah Emas Bursa Malaysia (FBMS) + 50% Kadar Deposit-i Tetap Islamik MBB 12-bulan. <i>Maklumat lanjut mengenai FBMS boleh didapati di laman web Bursa Malaysia dan Bloomberg.</i> <i>Maklumat lanjut mengenai kadar Deposit Islam MBB 12-bulan boleh didapati di laman web Maybank2u.</i>
Pengurus Dana	Eastspring Al-Wara' Investments Berhad (200901017585 (860682-K))

Yuran & Caj	
Caj <i>Wakalah</i> Pengurusan Aset	1.25% setahun
Caj Lain, jika ada	TIADA

TAKAFULINK DANA DINAMIK

Pendedahan Tambahan bagi Takafulink Dana Dinamik

Takafulink Dana Dinamik dilabur ke dalam Dana Dinamik Eastspring Investments, yang diuruskan oleh Eastspring Al-Wara' Investments Berhad.

Sila ambil perhatian bahawa anda hanya akan dikenakan bayaran 1.25%, caj pengurusan dana tahunan di peringkat Dana. Anda tidak akan dikenakan caj pengurusan tahunan di peringkat Dana Sasaran.

Prestasi Dana

Tahun	Prestasi Sebenar	Penanda Aras^^
2022	(8.08%)	(4.27%)
2021	2.26%	(2.43%)
2020	13.93%	6.63%
2019	6.76%	3.62%
2018*	(5.97%)	(6.51%)

* Takafulink Dana Dinamik dilancarkan pada 17 Januari 2018. Prestasi dana adalah dari tarikh pelancaran dana sehingga akhir tahun bagi tahun yang sama (pulangan bukan tahunan).

^^ 50% (FBMS) + 50% Kadar Deposit-i Tetap Islam MBB 12-bulan.

Prestasi Dana untuk Dana Sasaran, Dana Dinamik Eastspring Investments pada 31 Disember 2022 seperti berikut:

Tahun	2022	2021	2020	2019	2018	2017	2016	2015	2014	2013	2012
Prestasi Bersih (%)	(8.98)	3.72	14.77	7.23	(6.90)	18.16	(3.42)	12.03	4.55	18.25	15.13

Prestasi dikira berdasarkan NAV# tahun n-1 kepada NAV# tahun n asas dengan pendapatan kasar atau dividen dilaburkan semula.

NAV di sini merujuk kepada Nilai Aset Bersih Dana Dinamik Eastspring Investments.

Asas pengiraan prestasi sebelumnya:

$$= \frac{\text{NAV}^* \text{ untuk tahun } n}{\text{NAV}^* \text{ untuk tahun } n-1} \% - 100\%$$

* NAV di sini merujuk pada Nilai Aset Bersih Dana.

Nota Penting: Prestasi lampau Dana bukan satu petunjuk untuk prestasi masa hadapan. Ini adalah prestasi untuk dana pelaburan semata-mata dan bukan pulangan yang diperolehi daripada sumbangan sebenar yang dibayar untuk produk takaful berkaitan pelaburan.

TAKAFULINK DANA DINAMIK

Harga Hadapan

Unit diwujudkan dan dibatalkan pada tarikh penentuan harga berikutnya selepas penerimaan sumbangan atau pemberitahuan tuntutan masing-masing.

Faktor Risiko

Sila rujuk kepada butiran Faktor Risiko yang dinyatakan di bawah:

- **Risiko Pasaran**

Risiko pasaran merujuk kepada potensi kerugian yang berkemungkinan timbul akibat perubahan ketara dalam suasana pasaran. Secara umumnya, keadaan pasaran, dipengaruhi pelbagai faktor termasuk kestabilan ekonomi dan politik. Sekiranya pasaran di mana Dana dilaburkan mengalami kemerosotan akibat keadaan ekonomi atau ketidakstabilan politik, ia boleh memberi impak kepada harga pasaran pelaburan Dana.

- **Risiko Kecairan**

Risiko kecairan merujuk kepada dua senario. Senario pertama adalah di mana sekuriti patuh Syariah tidak dapat dijual kerana ketiadaan pembeli untuk pelaburan tersebut. Senario kedua pula adalah di mana pelaburan tersebut kurang didagangkan. Ia boleh menyebabkan Dana melupakan pelaburan tersebut di pasaran pada harga yang tidak memberangsangkan dan memberi kesan buruk pada pelaburan yang dibuat oleh peserta. Risiko kecairan boleh dikurangkan melalui proses pemilihan sekuriti cair yang ketat dan pemantauan aktif.

- **Risiko Sekuriti**

Harga sekuriti patuh Syariah tertentu boleh berubah mengikut keadaan yang menjejaskan syarikat-syarikat. Sebarang pergerakan ketara dalam harga sesuatu sekuriti patuh Syariah yang dilaburkan oleh Dana boleh menjejaskan NAV Dana. Pengurus Dana akan berusaha untuk mengurangkan kesan risiko sekuriti patuh Syariah berkenaan dengan mempelbagaikan sekuriti dalam portfolio.

- **Risiko Ketidakpatuhan**

Ketidakpatuhan kepada undang-undang, peraturan, syarat, resolusi Syariah, amalan baik, dasar dan prosedur dalaman boleh mengakibatkan pengawasan dari pihak berkuasa, mengancam reputasi dan mengurangkan potensi pengembangan Dana. Matlamat pelaburan juga mungkin terjejas sekiranya Pengurus Dana tidak mematuhi mandat pelaburan. Untuk mengurangkan risiko ini, Pengurus Dana mempunyai kawalan dalaman yang ketat dan perlu memastikan pematuhan berterusan dengan undang-undang, peraturan, syarat, resolusi Syariah, amalan baik dan polisi dalaman serta prosedur yang ditetapkan oleh Pengurus Dana.

TAKAFULINK DANA DINAMIK

Faktor Risiko

- **Risiko Syarikat Pengurusan**

Prestasi Dana bergantung kepada pengalaman, kepakaran dan pengetahuan syarikat pengurusan. Sekiranya syarikat pengurusan mempunyai sebarang kekurangan yang berkaitan dengan mana-mana kualiti di atas, ia boleh menjejaskan prestasi Dana.

- **Risiko Pengkelasan Semula Status Syariah**

Ini adalah risiko di mana sekuriti ekuiti patuh Syariah yang sedang dipegang dalam Dana Sasaran boleh dikelaskan semula sebagai tidak patuh Syariah selepas semakan berkala sekuriti tersebut dilakukan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti atau Penasihat Syariah. Jika ia berlaku, Pengurus Dana Sasaran akan mengambil langkah yang perlu untuk melupuskan sekuriti tersebut. Peluang kerugian boleh berlaku akibat sekatan ke atas Dana Sasaran untuk menyimpan lebih keuntungan modal yang diperolehi daripada pelupusan ekuiti yang dikelaskan semula sebagai tidak patuh Syariah. Jika ia berlaku, Dana Sasaran perlu:

- melupuskan sekuriti berkenaan dengan kadar segera atau dalam masa satu (1) bulan kalendar jika nilai sekuriti melebihi atau bersamaan dengan kos pelaburan pada tarikh kuat kuasa pengkelasan semula Senarai Sekuriti Patuh Syariah ("Pengkelasan Semula") yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti atau tarikh semakan ("Semakan") daripada Penasihat Syariah. Dana Sasaran dibenarkan untuk menyimpan dividen yang diterima dan lebih keuntungan modal daripada pelupusan sekuriti sehingga pada tarikh kuat kuasa pengkelasan semula atau penilaian semula. Bagaimanapun, sebarang dividen yang diterima dan lebih keuntungan modal daripada pelupusan sekuriti tidak patuh Syariah selepas tarikh kuat kuasa pengkelasan semula hendaklah disalurkan kepada baitulmal dan/atau badan amal yang diluluskan;
- untuk memegang sekuriti tersebut jika nilai sekuriti di bawah kos pelaburan pada hari dagangan terakhir sebelum tarikh kuat kuasa pengkelasan atau penilaian semula sehingga jumlah dividen berikutnya yang diterima (jika ada) dan harga pasaran sekuriti bersamaan dengan kos pelaburan di mana pelupusan perlu dilakukan dalam tempoh satu (1) bulan kalendar, keuntungan modal (jika ada) daripada pelupusan sekuriti tersebut hendaklah disalurkan ke baitulmal dan/atau badan amal yang diluluskan oleh Penasihat Syariah; atau
- untuk melupuskan sekuriti tersebut pada harga lebih rendah berbanding kos pelaburan yang akan menyebabkan pengurangan nilai Dana Sasaran.

TAKAFULINK DANA DINAMIK

Faktor Risiko

- **Risiko Pihak Lawan**

Dana akan terdedah kepada risiko kredit pada pihak lawan di mana ia didagangkan, seperti kemungkinan berlaku insolvensi, kemuflihan atau keingkaran pihak lawan di mana Dana didagangkan, yang mungkin mengakibatkan kerugian pada Dana. Risiko ini boleh dikurangkan dengan melabur dalam instrumen yang dikeluarkan oleh pihak lawan dengan penarafan kredit minimum A3 dan P3 atau penarafan setara oleh agensi-agensi penarafan kredit yang diiktiraf di Malaysia atau di peringkat antarabangsa.

- **Risiko Komitmen & Prabayaran**

Produk berstruktur Islamik telah direka sebagai pelaburan dipegang-hingga-matang. Oleh itu, nilai penebusan awal mungkin kurang berbanding nilai prinsipal asal yang dilaburkan atau sebahagiannya, jika ia penebusan separa. Sebarang permintaan untuk menstruktur semula produk berstruktur Islamik, jika dipersetujui oleh penerbit, akan dianggap sebagai penebusan awal oleh Dana. Jumlah keseluruhan yang sepatutnya diterima akan digunakan untuk melabur dalam pelaburan patuh Syariah yang baharu, tertakluk kepada syarat-syarat pelaburan patuh Syariah baharu tersebut. Jumlah yang seharusnya diterima mungkin akan mengambil kira semua keuntungan terakru yang perlu dibayar (jika ada), kerugian akibat pergerakan pasaran, kos pecahan dan sebarang kerugian lain yang ditanggung untuk melepaskan lindung nilai yang berkenaan atau sebarang pengurusan lain yang telah dibuat untuk menghasilkan produk berstruktur Islamik tersebut.

- **Risiko Pengurusan Dana Sasaran**

Walaupun Pengurus Dana akan menggunakan kemahiran dan ketelitian untuk memilih Dana Sasaran, ia tidak mempunyai kawalan ke atas pengurusan dana-dana ini dan tiada jaminan bahawa objektif pelaburan akan dicapai. Ini boleh mengakibatkan pelabur mengalami kerugian bagi pelaburan mereka di dalam Dana Sasaran.

Sasaran mungkin mengubah objektifnya dan menjadi tidak selaras dengan objektif Dana. Dalam keadaan tersebut, Pengurus Dana akan menggantikan Dana Sasaran tersebut dengan dana pelaburan kolektif Islamik lain yang dianggap lebih sesuai oleh Pengurus Dana untuk memenuhi objektif Dana. Pemegang unit akan diberitahu mengenai pertukaran tersebut.

TAKAFULINK DANA DINAMIK

Faktor Risiko

- **Risiko Kadar Faedah**

Secara amnya, penilaian sukuk akan bergerak secara songsang mengikut pergerakan kadar faedah. Oleh itu, penilaian untuk sukuk mungkin jatuh semasa faedah meningkat dan sebaliknya. Sekiranya Dana menyimpan sukuk hingga ia matang, pergerakan turun naik ini akan berkurangan apabila sukuk menghampiri tempoh matang. Untuk mengurangkan kesan pergerakan kadar faedah, Pengurus Dana akan menguruskan tempoh portfolio dengan mempelbagaikan tempoh pelaburan sukuk Dana berdasarkan pandangan Pengurus Dana mengenai masa hadapan kadar faedah.

Kadar faedah adalah petunjuk am ekonomi yang akan memberi impak ke atas pengurusan Dana tanpa mengambil kira sama ada ia dana Islamik atau sebaliknya. Ia tidak menyarankan dalam apa juga cara bahawa Dana akan melabur di dalam instrumen kewangan konvensional. Semua pelaburan yang dilakukan oleh Dana adalah selaras dengan keperluan Syariah/patuh-Syariah.

Nota: Perkara di atas tidak harus dianggap sebagai senarai lengkap risiko yang harus dipertimbangkan peserta sebelum melabur dalam Dana. Peserta perlu sedar bahawa pelaburan dalam Dana mungkin terdedah kepada risiko lain dari semasa ke semasa. Peserta harus berunding dengan penasihat profesional untuk memahami dengan lebih baik berkenaan risiko.

TAKAFULINK DANA DINAMIK

Strategi Pengurusan Risiko

Strategi pengurusan risiko yang diguna pakai oleh Pengurus Dana termasuk yang berikut:

- Memantau keadaan pasaran dan ekonomi;
- Memantau kepatuhan objektif dan sekatan serta batasan bagi Dana;
- Memantau prestasi Dana;
- Mengambil posisi defensif sementara, apabila perlu; dan
- Menyalur dan melaporkan hal pelaburan kepada jawatankuasa pelaburan, pasukan pengurusan kanan, jawatankuasa audit dan kawalselia, dan lembaga pengarah.

TAKAFULINK DANA DINAMIK

Maklumat Lain	
Pasaran Sasaran	Peserta yang mempunyai toleransi risiko yang sederhana hingga tinggi dan jangka masa pelaburan yang sederhana.
Dasar & Kekerapan Penilaian Unit	<ul style="list-style-type: none">• Penentuan harga unit dilakukan setiap hari.• Harga unit dikira berdasarkan pada nilai pasaran aset-aset asas bagi Dana, dibahagikan dengan bilangan unit yang dikeluarkan.• Dana tidak membayar sebarang dividen. Semua pendapatan dan keuntungan modal secara automatik dilabur semula dalam harga unitnya.• Harga unit ialah harga tunggal di mana unit diwujudkan dan dibatalkan.• Harga unit Dana akan dinilai pada akhir setiap hari perniagaan (Tarikh Penilaian). Bagaimanapun, oleh kerana nilai pelaburan Dana semasa akhir Tarikh Penilaian berkaitan hanya akan diketahui pada hari perniagaan seterusnya, penentuan harga unit Dana untuk Tarikh Penilaian berkenaan hanya akan diterbitkan dan dimaklumkan selepas 2 hari perniagaan seterusnya (T+2).
Keadaan Pengecualian	<ul style="list-style-type: none">• PruBSN boleh menggantung harga unit dan menangguhkan penerbitan atau penebusan unit, mahupun beralih kepada mana-mana dana di bawah Dana ini untuk tempoh yang munasabah, misalnya intervensi yang mengakibatkan penutupan sementara mana-mana bursa saham atau penggantungan saham tertentu di mana Dana dilaburkan. Dalam keadaan sedemikian, notis untuk penggantungan mungkin dikeluarkan dan mungkin diberitahu kepada peserta bagi permintaan untuk penambahan, pertukaran, penebusan atau pengeluaran kepada/dari mana-mana dana Takafulink tersebut.• PruBSN boleh menggantung penentuan harga unit dan urusan sivil jika Eastspring Al-Wara' Investments Berhad menggantung langganan untuk Eastspring Investments Dana Dinamik.

TAKAFULINK DANA DINAMIK

Informasi Mengenai Dana Sasaran

Eastspring Investments Dana Dinamik

Strategi Pelaburan

Dana Sasaran menyasarkan untuk mencapai objektifnya melalui pelaksanaan strategi peruntukan aset fleksibel di antara kelas aset berlainan dalam ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah, sukuk dan aset cair Syariah, bergantung kepada unjuran pasaran pelaburan.

Dana Sasaran boleh melabur dalam sukuk, yang tertakluk kepada semakan sebagaimana dianggap sesuai oleh Pengurus Dana Sasaran dari semasa ke semasa. Cara ini memberikan fleksibiliti kepada Dana Sasaran untuk bertukar kepada ekuiti patuh Syariah apabila keadaan menjadi kondusif, sebagai contoh semasa tempoh pasaran ekuiti mengalami lonjakan. Pada bila-bila masa, Dana Sasaran boleh memegang 100% aset cair Syariah.

Dana Sasaran mungkin melabur dalam sukuk dengan penarafan kredit minimum BBB3 atau P2 oleh RAM, atau penarafan yang setaraf dengannya oleh mana-mana agensi penarafan tempatan yang lain. Sekiranya penarafan kredit sukuk dituruntaraf ke bawah penarafan kredit minimum oleh agensi penarafan, Pengurus Dana Sasaran boleh melupuskan sukuk berkenaan di pasaran.

Dana Sasaran diuruskan secara aktif. Bagaimanapun, kekerapan aktiviti dagangan akan bergantung kepada peluang pasaran dan penilaian oleh Pengurus Dana Sasaran.

Penafian:

Helaian fakta dana utama ini disediakan oleh Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN) untuk maklumat am dan tujuan ilustrasi sahaja dan tidak sepatutnya dijadikan asas untuk membuat keputusan pelaburan, kewangan atau keputusan-keputusan lain. Walaupun bahan-bahan yang digunakan dalam penyediaan profil dana ini diperolehi daripada sumber-sumber yang boleh dipercayai, PruBSN tidak menjamin ketepatan dan kesempurnaan maklumat. Sebarang analisis dan pendapat yang dinyatakan adalah tertakluk kepada perubahan tanpa notis. Prestasi masa lalu tidak menjamin keputusan masa hadapan. Para pembaca dinasihatkan untuk menghubungi PruBSN atau ejen-ejennya untuk butiran lanjut dan penjelasan maklumat yang berkaitan dengan produk yang ditawarkan oleh kami. PruBSN dan mana-mana syarikatnya yang berkaitan menafikan sebarang liabiliti walau apa pun sifatnya, sekiranya para pembaca mengalami kerugian apabila mereka hanya bergantung kepada kandungan maklumat di dalam profil dana ini.

TAKAFUL
Untuk Semua. Untuk Kehidupan

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)
Level 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat, 55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.

Talian Khidmat Pelanggan: +603 2775 7188

E-mel: customer@prubsn.com.my

www.prubsn.com.my



*Semua maklumat dianggap sah pada tarikh penerbitan.
Terbitan Mac 2023*